

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, 25 September, 2016 1:03 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM JEJAK BAHASA LAHIRKAN MURID CEMERLANG DALAM BAHASA MELAYU DAN MATEMATIK



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia



25 SEPTEMBER 2016 / 23 ZULHIJAH 1437H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

**PROGRAM JEJAK BAHASA LAHIRKAN MURID CEMERLANG DALAM BAHASA MELAYU DAN
MATEMATIK**



PPACAS ONLINE: Selaras dengan Misi KPM dan KPT untuk membantu pelajar-pelajar sekolah meningkatkan motivasi murid-murid sekolah dalam pembelajaran dengan berubah suasana, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS) dan Jabatan Hal Ehwal Akademik, sekali lagi telah menerima kehadiran 80 orang murid-murid Tahap 1 Sekolah Kebangsaan Jalan Pegawai (SKJP) Alor Setar diringi dengan sembilan orang guru. SKJP yang merupakan salah satu sekolah yang telah dinaik taraf kepada Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang telah diletakkan di bawah UUM di bawah Penyelaras SKK UUM iaitu Dekan PPA CAS dan HEA sebagai secretariat. Ini merupakan kali kedua SKJP menganjurkan program bersama UUM selepas program pertamanya sekitar Bulan Januari yang menekankan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan murid-murid SKJP.

Program ini telah dijayakan oleh pelajar-pelajar UUM CAS seramai 15 orang daripada tiga persatuan yang berbeza, iaitu Persatuan Kaunseling dan Psikologi (PERKAP), Persatuan Bahasa Melayu (PUJANGA) dan Quantitative Sciences Association (QUSAC). Antara aktiviti yang dijalankan ice breaking, senaman ringan dan "explore race". Dalam aktiviti explore race, murid-murid tahap satu ini didedahkan dengan permainan matematik dan bahasa melayu bagi memastikan murid-murid mempunyai minat yang mendalam dalam kedua subjek tersebut. Permainan yang dijalankan secara tidak langsung memberi peluang kepada para pelajar untuk berfikir bagi menyiapkan sesuatu tugas. Di samping itu, semangat berpasukan juga dapat dijalankan apabila pelajar-pelajar bersama-sama berganding bahu bagi menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan.

Program diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan pertukaran cenderahati pihak sekolah dengan UUM. Pihak UUM diwakili oleh Puan Liyana Al- Hani daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik UUM mewakili Dekan PPA CAS. Program yang dijalankan mendapat maklum balas yang positif daripada para pelajar dan guru-guru pengiring. Pelajar bukan sahaja pulang dengan keseronokan, tetapi mereka mendapat pengalaman merasai suasana pembelajaran di universiti dan melalui proses pembelajaran dengan cara yang berlainan.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Arts & Sciences

Tel: 049285307 | Faks: 049285310

Emel:cas-sadc@uum.edu.my

Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====

